

IHTIFAL IHYA' RAMADAN @ UniMAP

Teks Ucapan

**Y.BHG. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Pada 17 September 2007 Bersamaan 5 Ramadan 1428
Hijrah, di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Tuanku Raja Perempuan Perlis.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Ihtifal Ihya' Ramadan @ UniMAP pada malam ini.

Ampun tuanku,

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis Dan Y.Bhg. Datin Seri,

Yang Berhormat Dato' Hj Che Sulaiman Shafie, Speaker Dewan Undangan Negeri dan Y.Bhg Datin

Yang Berhormat Tuan Hj Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Y.Bhg Isteri

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Isteri, Dif-dif Kehormat

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media, dan warga kerja UniMAP serta para pelajar yang dikasihi sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbaharu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua dapat bersama-sama di malam ke - 5 Ramadhan Al – Mubarak ini untuk berkumpul, berbuka dan seterusnya beribadah berjemaah di bulan penuh ganjaran dan kenikmatan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perlis, Dato Seri Dr Shahidan Bin Kassim dan Yang Berbahagia Datin Seri, Dif-Dif Kehormat, para tetamu jemputan yang telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke Ihtifal Ihya' Ramadan @ UniMAP. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua sudah pasti

menguntum bahagia dan menambah seri majlis kami di malam ini.

Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP ini kerana di dalam mengharungi ibadah puasa anda semua tetap memberikan komitmen yang tinggi dalam menyatu idea, menyempurna kerja, menzahir upacara memastikan program ini terlaksana dengan penuh tertib dan jayanya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP ini adalah sebahagian dari aktiviti yang telah dirancang bagi sambutan Ramadhan peringkat UniMAP 1428 hijrah. Ianya merupakan acara tahunan yang sudah termaktub di dalam takwim universiti ini. Adalah menjadi harapan kami, majlis seumpama ini dapat merapatkan lagi hubungan antara UniMAP dengan warga luar dalam menjalin sebuah ikatan persaudaraan ukhuwah Islamiyah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Ramadhan kembali lagi dengan janji-janji kebaikan dan harapan daripada Allah kepada para hamba-Nya yang sentiasa menunggu kehadiran bulan mulia yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini. Tiada siapa dapat menolak betapa bulan rahmat ini membawa satu perasaan dan jiwa baru buat mereka yang menagih rahmat Allah di muka bumi ini.

Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta adalah pemberian yang paling agung dan bermakna sehingga tertegaknya menjadi salah satu tiang yang menguatkan dasar ajaran Islam. Kemeriahannya bulan ini tidak sekadar berbeza dari bulan-bulan sebelumnya, malah sikap dan amalan sehari-hari umat Islam sedikit sebanyak mendapat corak-corak baru bagi menghormati kehadirannya.

Hikmah Ramadhan sentiasa digali oleh para penganutnya, apatah lagi amalan ini turut menarik perhatian bukan Islam

dan juga pakar-pakar bidang kesihatan pemakanan dan pengamal ilmu psikologi. Dari masa ke masa, rahsia kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan dihimpunkan dan disebarluaskan agar umat Islam mampu melaksanakannya dengan kefahaman dan pengetahuan dalam mengangkat amalan ini di atas kedudukan yang sewajarnya.

Imam Syafie menyebut, seorang Muslim mengetahui amalan puasa Ramadhan merupakan ibadah yang difardukan oleh Allah sebagai ibadah yang perlu dipenuhi tuntutannya, sesuai dengan tanggungjawab insan sebagai hamba kepada Allah tanpa melihat natijah yang dihasilkan daripada ibadah puasa. Sekiranya seorang hamba telah melaksanakannya, tidak ada halangan untuk menggali mutiara hikmah dan rahsia ketuhanan yang tersembunyi di sebalik suatu ibadah sebagaimana puasa Ramadhan.

Hadirin dan hadirat sekalian

Bersempena dengan Ramadhan Al Mubarak 1428 hijrah, UniMAP telah merancang pelbagai aktiviti kerohanian. Justeru itu Jawatankuasa Ramadhan 1428 Hijrah peringkat UniMAP yang diketuai oleh Ustaz Hassan Hj. Arshad, selaku Penyelaras Unit Agama Islam (UAI) UniMAP telah merangka pelbagai aktiviti yang dapat mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan warga universiti ini.

Antara aktiviti yang telah dirancang di sepanjang bulan Ramadhan Al - Mubarak ini ialah ‘aktiviti kerohanian’ yang akan membabitkan ceramah seperti ‘Ceramah Agama sempena Nuzul Al - Quran’. Di samping itu pula, UniMAP turut mengadakan ‘Majlis Khatam Al - Quran’ dan ‘Pertandingan Nasyid Antara Jabatan @ UniMAP’.

Bagi ‘aktiviti berterusan’ yang akan dijalankan sepanjang bulan Ramadhan ialah ‘Tadarus Al - Quran (bacaan ayat-ayat suci Al-Quran), dan ‘Program Menjana Kebaikan Melalui Kebajikan’. Untuk ‘aktiviti mingguan’ pula, jawatankuasa ini telah merancang mengadakan ‘solat jumaat di dua buah masjid terpilih sekitar negeri Perlis’ dan ‘penyediaan bubur lambuk’.

Dalam kesibukan menjalani ibadah puasa, UniMAP juga mahu kakitangannya berada dalam keadaan yang berstamina tinggi dan mempunyai kesihatan yang bagus. Demi mengekalkan kesihatan yang baik, kita akan menganjurkan ‘Aktiviti Riadah Ringan di Bukit Pauh’ yang akan melibatkan semua ketua jabatan di UniMAP.

Untuk aktiviti kebajikan pula, aktiviti yang dirancang ialah ‘Lawatan Ke Satun, Thailand’ untuk merasai cara hidup masyarakat di sana dan kita juga merancang untuk ‘Majlis Berbuka Puasa Bersama ARMY / PGA di Sempadan’. Aktiviti seperti ini akan menimbulkan kesedaran yang mendalam dalam diri kita dan dapat menghayati kesenangan yang kita perolehi selama 50 tahun kemerdekaan kita.

Hadirin dan hadirat sekalian

Baru-baru ini, bersempena bulan kemerdekaaan UniMAP telah menjadi tuan rumah bagi pertandingan nasyid peringkat kebangsaan yang disertai oleh semua IPTA di Malaysia dan yang paling menggembirakan, berkat kesungguhan para peserta nasyid yang terdiri daripada pelajar UniMAP itu sendiri, UniMAP memperolehi tempat ke - 2 sekaligus mengekalkan kedudukan pada tahun lepas.

Malah, salah seorang staf UniMAP dari Unit Komunikasi Korporat iaitu Mohd Fairuz Abdul Razak telah mengharumkan nama UniMAP apabila menjadi orang ke - 4 yang berjaya melengkapkan 50 pusingan dalam pertandingan yang menfokuskan masa terpantas dan mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records. Kejayaan ini diperolehi dalam Pertandingan Cabaran Pendakian Terpantas Bukit Cenderawasih yang melibatkan 89 peserta. Mereka dikehendaki melengkapkan 50 pusingan pendakian di bawah 18 jam. Saya berasa bangga kerana beliau yang merupakan peserta tunggal UniMAP dan telah berjaya membuat 51 pusingan dengan catatan masa 16 jam 27 minit. Ini menunjukkan bahawa staf UniMAP aktif dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Di samping bekerja mereka juga mampu mengamalkan cara hidup bersukan demi menjamin kesihatan yang sempurna. Saya juga dimaklum bahawa

dengan melakukan 51 pusingan tersebut, Menteri Besar yang amat kita kasihi iaitu Dato' Seri Dr Shahidan Kassim telah menghadiahkan sejumlah wang RM 1200 kepada beliau. Berikan tepukan yang gemuruh diatas kemurahan hati MB kita.

Saya berharap kedatangan bulan ramadhan ini tidak akan melemahkan kita. Walaupun kita sibuk bekerja dan menjalankan ibadah berpuasa janganlah kita alpa dengan kesihatan diri kita. Bersukan adalah kunci kepada kesihatan tubuh di samping menjaga pemakanan kita terutamanya di bulan puasa ini.

Akhir kata sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, marilah kita sama-sama menghayati bahawa bulan Ramadhan mengangkat nilai amanah dalam diri muslim. Tanpa amanah, negara akan hancur, agama tergadai, maruah musnah dan masyarakat tidak akan tenteram sama sekali. Amanah melalui puasa ramadhan dapat dilahirkan kerana seorang muslim yang berpuasa sentiasa menjaganya daripada terbatal.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perlis, Dato Seri Dr Shahidan Bin Kassim dan Yang Berbahagia Datin Seri, Dif-Dif Kehormat, para tetamu jemputan yang telah sudi hadir memeriahkan lagi majlis kami pada malam ini.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah duli tuanku berdua kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke majlis ini. Patik sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.